

PM: Yang terbabit tetap akan didakwa

DEBU MARI 1986

KERAJAAN tidak berniat melepaskan sesiapa sahaja yang 'menyamun duit negara' malah tindakan telah dan sedang diambil terhadap mereka yang terbabit dalam skandal Bumiputra Malaysia Finance (BMF), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, setiap tuduhan terhadap mereka yang terbabit dalam skandal itu mesti disiasat dengan rapi kerana kerajaan tidak mahu menganiaya sesiapa, semata-mata kerana hendak memuaskan selera orang tertentu.

"Laporan akhir BMF itu perlu dikaji oleh peguam-peguam Bank Bumiputra secara terperinci. Tindakan tanpa mendapat nasihat peguam mungkin akan menyebabkan kita membuat tuduhan yang tidak tepat dan ini akan menjejaskan nama orang berkenaan," katanya.

Tidak lengkap

Berucap menggulung perbahasan titah ucapan Diraja di parlimen hari ini Perdana Menteri berkata, Peguam Negara dan polis harus menyiasat dengan teliti sebelum mendakwa sesiapa.

"Hanya setelah berpuashati ada kes barulah dakwaan dibuat," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Sehubungan itu, katanya, tidak ada sebab untuk menubuhkan pasukan pendakwa khas kecuali masyarakat mahu membelakangkan proses biasa dan menggantikannya dengan "Kangaroo Court" seperti di beberapa negara komunis dan diktator.

Menurutnya, laporan Jawatankuasa Penyiasat sebenarnya bukanlah 'keras penyiasatan' polis kerana jawatankuasa itu bukan polis.

"Siasatannya tidak lengkap dan tidak teliti. Sebab itu surat yang mengandungi tandatangan palsu diterima bulat-bulat sebagai lampiran yang sah.

KUALA LUMPUR, Rabu

"Begitu juga surat dari penjenayah, catatan dalam buku catatan harian dan surat peribadi - semuanya diiktiraf sebagai benar oleh jawatankuasa," katanya.

Menurut Perdana Menteri, jawatankuasa itu berpendapat apabila nama-nama tertentu disebut oleh seseorang, maka ini bermakna penama itu salah.

"Jika demikianlah asas pengadilannya, maka seseorang hanya perlu menulis nama sesiapa sahaja yang ia benci berkenaan dengan sesuatu jenayah maka sasarannya akan didakwa dan dihukum," katanya.

Selain itu, kata Perdana Menteri, kerajaan juga tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan tertentu kerana jenayah itu berlaku di Hong Kong.

Sebaliknya, kata beliau, kerajaan hanya boleh memberi kerjasama kepada kerajaan Hong Kong.

Bagaimanapun, tegasnya, kerajaan telahpun mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit mengikut undang-undang negara, termasuk membeku dan mengambil alih harta mereka.

Mengenai Suruhanjaya Diraja, Perdana Menteri berkata ia tidak perlu ditubuhkan kerana tindakan itu tidak akan membantu memperolehi semula duit yang hilang.

Sebaliknya, kata beliau, pergolakan dan publisiti mengenainya akan menjejaskan kepercayaan rakyat dan dunia terhadap bank dan ekonomi negara.

Menurutnya, Jawatankuasa Penyiasat juga terlindung daripada tindakan undang-undang kerana sesiapa yang berani membuat saman malu terhadapnya, ia akan disoal di mahkamah sehingga lebih banyak keburukan terdedah.

"Ramai juga yang sanggup memper tahankan Jawatankuasa Penyiasat jika ia disaman. Tidaklah benar bahawa jawatankuasa itu tidak terlindung," ujarnya.